

Kajian Tentang Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar-Pelajar Yang Menginap Di Kolej 17 Utm Skudai, Johor

Christina Andin @ Nur Qistina Binti Abdullah & Irwan Bin Hassim
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini dibuat lebih kepada keprihatinan pengkaji terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang menginap di Kolej 17 UTM kampus Skudai, Johor. Untuk tujuan itu kajian ini adalah untuk melihat masalah yang sering berlaku di kalangan pelajar-pelajar tersebut seperti dari segi kewangan, kemudahan, sosial dan kerjaya masa depan mereka. Dalam kajian ini, seramai 118 orang pelajar yang menginap di kolej 17 UTM telah dipilih secara rawak untuk dijadikan responden kajian. Data kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Statistical Package of Social Science for Windows Release 12.0 (SPSS). Hasil dari analisis data yang telah dibuat didapati masalah yang paling dominan ialah kerjaya masa depan, diikuti masalah kemudahan, yang ketiga tinggi adalah masalah kewangan, dan akhir sekali masalah sosial.

Abstract: This research has been conduct based on researcher concerned on students' problems at College 17 UTM Skudai, Johor. The purpose of this research is to investigate about the main problems that occurred among students. About 118 students in College 17 had been randomly selected as respondent for this research. Statistical Package of Social Science for Windows Release 12.0 (SPSS) software has been used to analyze the data. Result showed that most dominance problem is about future job, facilities, financial and finally social. There are several suggestions that might be useful has been given by researcher to implement in order to reduce or to avert the problems.

Katakunci: menginap di Kolej 17, masalah pelajar, universiti teknologi Malaysia

Pengenalan

Kolej kediaman merupakan sebuah tempat tinggal yang biasanya disediakan oleh sesebuah institusi-institusi pendidikan samada swasta atau awam. Pembinaan kolej-kolej kediaman ini adalah bertujuan untuk menyediakan tempat tinggal kepada penuntut atau pelajar di institusi pendidikan tersebut. Dengan adanya kolej kediaman masalah penginapan dapat diselesaikan terutama kepada pelajar yang berasal dari jauh samada dalam atau luar negeri. Selaras dengan kenyataan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 1980), iaitu tujuan kolej kediaman didirikan oleh KPM adalah untuk menempatkan pelajar-pelajar yang tinggal jauh dari sekolah khasnya dari luar bandar.

Bagi memastikan keselesaan penghuni di kolej kediaman, pihak pentadbiran kolej perlu menyediakan segala keperluan dan kemudahan untuk pelajar-pelajar seperti kafe, bilik bacaan, kemudahan internet yang cekap, pengangkutan dan sebagainya. Segala kemudahan ini dapat membantu pelajar untuk belajar dengan lebih selesa kelak.

Pernyataan Masalah

Kajian ini dibuat atas keprihatinan pengkaji terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar di kolej-kolej kediaman. Oleh yang demikian, pengkaji berminat untuk mengkaji apakah masalah-masalah utama yang dihadapi dan mengenalpasti punca kepada masalah. Seterusnya dapat membantu pihak-pihak tertentu terutamanya pihak kolej untuk menguruskan pelajar-pelajar yang menginap di kolej, terutamanya di kolej 17 UTM Skudai Johor.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi:

- 1 Mengenalpasti masalah-masalah berkaitan dengan kewangan pelajar-pelajar yang menginap di kolej 17 UTM Skudai, Johor.
- 2 Mengenalpasti masalah-masalah berkaitan dengan kemudahan di kolej 17 UTM Skudai, Johor.
- 3 Mengenalpasti masalah-masalah berkaitan dengan sosial di kalangan pelajar-pelajar yang menginap di kolej 17 UTM Skudai, Johor.
- 4 Mengenalpasti masalah-masalah berkaitan dengan kerjaya masa depan pelajar-pelajar yang menginap di kolej 17 UTM Skudai, Johor.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai masalah pelajar yang menginap di kolej kediaman.

Diharapkan hasil dari kajian ini nanti dapat memberi maklum balas kepada pihak pentadbiran kolej 17 dalam mengambil langkah seterusnya bagi memastikan masalah pelajar dapat dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup pelajar-pelajar kolej 17. Hasil dari kajian ini juga diharap dapat digunakan oleh pihak pentadbir kolej 17 untuk mempertingkatkan lagi keselamatan, kemudahan dan keselesaan suasana kehidupan di kolej. Manakala kepada ibu bapa pelajar pula, hasil kajian ini diharap akan dapat memberi gambaran kepada mereka tentang kepentingan peranan mereka dalam memberi sokongan kepada anak-anak mereka menerusi penglibatan mereka dalam program-program yang dianjurkan oleh pentadbiran kolej.

Dengan adanya kajian ini, bolehlah ia membantu dalam meningkatkan lagi prestasi akademik pelajar yang menginap di kolej, juga mengurangkan masalah-masalah yang sering mengganggu pelajar-pelajar tersebut, dan boleh digunakan oleh pihak universiti di dalam memantapkan lagi sistem pentadbiran kolejnya.

Kesimpulannya, hasil kajian ini dapatlah nanti digunakan oleh pihak pentadbir kolej, sebagai rujukan ibu bapa atau penjaga pelajar, sebagai rujukan pihak universiti dan sebagai rujukan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan langkah seterusnya dalam memperkemas lagi sistem pentadbiran kolej atau apa-apa program yang berkaitan dengannya.

Batasan Kajian

Kajian ini terhad dalam mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Univesiti Teknologi Malaysia yang menginap di Kolej 17, UTM Kampus Skudai, Johor sahaja. Kolej 17 dipilih kerana ia baru dibuka dan lokasinya yang jauh berbanding kolej-kolej kediaman yang lain.

Metodologi

Populasi Kajian

Populasi merupakan sekumpulan masyarakat yang mempunyai sifat yang sama. Populasi menentukan bidang masalah yang perlu dikaji. Populasi juga menentukan sejauh mana dan sebanyak mana data dan maklumat perlu dikumpul dan dianalisis (Mohd. Najib, 2003). Populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objek. Individu atau objek yang dicerap mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu dengan lain (Mohd. Majid, 1990).

Kolej 17 terbahagi kepada dua blok iaitu XC1 dan XC2. Jumlah keseluruhan pelajar yang menginap di Kolej 17 adalah seramai 700 orang pelajar. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya memilih responden dari blok XC1 kolej 17 sahaja sebagai responden. Ini kerana sifat populasi yang dipilih adalah hampir seragam.

Pemilihan Sampel

Pemilihan sampel adalah secara rawak mudah. Ia sesuai digunakan dalam kajian ini kerana populasi mempunyai sifat yang hampir seragam. Kaedah ini membenarkan pengkaji untuk memilih responden secara rambang daripada populasi. Kaedah ini juga digunakan bagi memudahkan pengedaran borang soal selidik disamping dapat menjimatkan masa dan kos dalam penyelidikan.

Jumlah keseluruhan pelajar yang menginap di blok XC1 kolej 17 adalah seramai 173 orang. Bilangan sampel yang diambil adalah berdasarkan daripada jadual Krejcie, R. V and Morgan D. W. iaitu seramai 118 orang.

Instrumen Kajian

Kaedah tinjauan melalui soal selidik digunakan bagi tujuan mengumpul maklumat dari responden. Menurut Mohd. Majid (1990), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh responden. Ini adalah disebabkan ia tidak dipengaruhi oleh geraklaku penyelidik. Selain itu ia juga mudah dilaksanakan dan sesuai untuk kumpulan responden yang agak besar serta dapat mengenalpasti permasalahan yang dihadapi pelajar dengan lebih baik serta dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga pengkaji serta responden.

Dalam peringkat untuk mendapat atau mengumpulkan data, instrument berbentuk borang soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat diri responden seperti tahun pengajian, umur, jenis sekolah semasa di sekolah menengah dan kelayakan masuk ke UTM manakala bahagian B pula dimuatkan dengan soalan yang telah dirangka untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan masalah yang mengganggu pelajar-pelajar tersebut.

Dalam bahagian B, setiap soalan telah disediakan jawapan. Jawapan kepada soal selidik bahagian B menggunakan Skala Likert yang mana mengandungi lima aras iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), tidak pasti (TP), setuju(S) dan sangat setuju (SS). Kaedah skala likert ini memerlukan responden menjawab dengan cara menandakan skor yang telah disediakan di ruangan jawapan. Sekiranya responden merasa sangat setuju dengan kenyataan yang dikemukakan, mereka akan menanda dengan meletakkan tanda \checkmark pada ruang jawapan skor 5. Jika responden sangat tidak setuju mereka akan menanda dengan meletakkan tanda \checkmark pada skor 1. Responden dikehendaki menanda hanya satu skor sahaja iaitu yang paling sesuai bagi item berkaitan.

Kajian Rintis

Kajian rintis ini bertujuan untuk menguji keesahan dan kebolehpercayaan item-item yang dikemukakan di samping dapat memperbaiki sebarang kelemahan yang timbul selepas kajian rintis ini dijalankan. Kajian rintis ini akan diadakan ke atas 10 orang pelajar kolej 17 UTM Skudai, Johor. Pelajar-pelajar ini diambil daripada penghuni yang tinggal di blok XC1 kolej 17. Kajian rintis dilakukan dengan menggunakan item-item dalam borang soal selidik yang akan digunakan sebagai alat pengumpulan data untuk kajian ini. Hasil yang diperolehi dari kajian rintis ini akan dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package of Social Science for Windows) Release 12.0.

Nilai alpha bagi kajian rintis yang dilakukan adalah 0.875. Daripada kajian rintis tersebut, satu soalan telah dibuang dan tiga soalan digantikan. Jumlah soalan adalah sebanyak 49 item sahaja.

Keputusan

Berikut adalah rumusan untuk keseluruhan masalah daripada tertinggi ke rendah.

Jadual 1: Rumusan analisis keputusan purata peratus masalah mengikut peratusan tertinggi hingga terendah.

Bil.	Jenis Masalah	Bermasalah (%)
4.	Kerjaya masa depan	63.9
2.	Kemudahan	61.7
1.	Kewangan	51.8
3.	Sosial	33.7

Sebagai kesimpulan, sebahagian besar pelajar (63.9%) diganggu oleh masalah kerjaya masa depan, dengan 3 item dipilih iaitu merasa takut menganggur selepas tamat belajar universiti, merasa risau tidak mendapat pekerjaan pilihan dan tidak mengetahui pekerjaan apa yang sesuai. Diikuti masalah kemudahan (61.7%), dengan 3 item pilihan iaitu masalah internet, masalah kualiti makanan di cafe dan masalah perabot. Separuh (51.8%) dari pelajar diganggu oleh masalah kewangan, seperti tidak mampu membeli buku rujukan, amat memerlukan pekerjaan semasa cuti panjang dan masalah menjelaskan yuran persatuan. Masalah sosial kurang mengganggu (33.7%) seperti mahukan personaliti yang lebih menarik, lebih suka bermain komputer daripada meluangkan masa bersama rakan-rakan dan sentiasa menjadi bahan ejekan.

Rumusan Hasil Data Mengikut Demografi

Hasil analisis menunjukkan pelajar tahun 3 paling tinggi kekerapannya (99) dalam masalah kewangan, manakala pelajar tahun 1 adalah yang terendah dengan kekerapan sebanyak 26 sahaja. Masalah sosial menunjukkan pelajar dari sekolah harian biasa mencatatkan kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 141 dan aliran teknik/vokasional adalah yang terendah iaitu sebanyak 54. Pelajar lepasan diploma (181) didapati paling bermasalah dalam hal kerjaya masa depan, sebaliknya pelajar lepasan sijil (22) adalah kurang bermasalah dalam aspek ini.

Perbincangan

Latar belakang responden

Lebih daripada separuh responden iaitu seramai 63 (53.4%) orang adalah berumur dibawah 25 tahun. Kebanyakan mereka adalah pelajar-pelajar dari kemasukan terus atau mereka yang masuk ke UTM dengan menggunakan kelayakan diploma.

Kebanyakan responden adalah mereka yang bersekolah di sekolah harian biasa dengan bilangan sebanyak 48.3%, diikuti pula pelajar dari sekolah berasrama penuh sebanyak 28.8% dan yang paling sedikit pelajar

dari aliran teknik/vokasional iaitu sebanyak 22.9%. Dapat disimpulkan bahawa, pelajar yang menginap di kolej 17 UTM adalah terdiri daripada mereka yang belajar di sekolah harian biasa semasa bersekolah dahulu.

Faktor kewangan.

Hasil analisis faktor kewangan, didapati pelajar mengalami masalah kewangan di paras sederhana (51.8%). Faktor utama yang menyebabkan masalah kewangan pelajar ialah mereka tidak mampu untuk membeli buku-buku rujukan berikutan harga buku yang pada kebiasaannya mahal, ini dipersetujui dengan peratus sebanyak 78%. Penggunaan buku rujukan atau buku teks sangat penting terutamanya dalam sesi pembelajaran kerana ketiadaan buku rujukan akan menyebabkan gangguan pembelajaran.

Menurut Farrant J.S (1971), buku teks merupakan satu bahan penting di dalam proses pengajaran. Ia ditulis untuk memenuhi satu keperluan khas iaitu untuk memberikan maklumat dalam sesuatu mata pelajaran. Implikasi dari masalah ini boleh menyebabkan pelajar menjadi malas dan tidak berminat untuk belajar. Masalah ketiadaan buku rujukan akan menyebabkan pelajar terganggu seperti kurang tumpuan untuk belajar (Dr. Charles Smith, 2001). Oleh yang demikian peranan buku rujukan dalam sesi pembelajaran sangat penting bagi menjamin keberkesanan proses pembelajaran tersebut.

Akibat dari masalah kewangan, pelajar (50.8%) didapati memerlukan pekerjaan semasa cuti panjang. Wang yang diperolehi akan digunakan untuk membiayai pelbagai perbelanjaan seperti pembelian buku rujukan, membayar yuranyuran persatuan dan sebagainya. Pelajar dilihat perlu berusaha sendiri untuk mengumpul wang bagi meneruskan pengajian mereka. SM Mohamed Idris (2005), menegaskan pelajar perlu berdikari mengumpul wang supaya dapat melanjutkan pengajian mereka sehingga tamat.

Walaupun, pelajar dilihat tiada masalah untuk membayar yuranyuran persatuan. Ini adalah kerana tiada satu pun persatuan di kolej 17 ditubuhkan, pelajar cuma perlu membayar sedikit wang untuk penggunaan komputer di bilik internet di kolej 17.

Faktor kemudahan.

Hasil analisis faktor kemudahan menunjukkan pelajar mengalami masalah kemudahan di paras tinggi (61.7%). Faktor utama yang menyebabkan masalah kemudahan adalah internet Wifi iaitu sebanyak 87.3%, ia mungkin disebabkan 'server' agak lembab dan kemudahan ini adalah terhad di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Kemudahan internet terutama dalam pembelajaran adalah sangat penting pada masa kini. Ini kerana maklumat yang disediakan di dalam internet adalah tidak terhad pada teks semata-mata.

Internet mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu kemampuannya untuk menggabungkan ciri-ciri multimedia dengan maklumat yang hendak disampaikan seperti penggunaan grafik, video, suara, kesan bunyi khas, animasi dan sebagainya. Namun begitu jika pelajar tidak dapat menggunakan kemudahan ini dengan baik, ia akan memberi kesan dalam pendidikan mereka seperti kurang sumber rujukan yang baik.

David Mc Connell (2000) mengatakan penggunaan internet dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam pendidikan. Selain itu terdapat satu kajian yang telah dijalankan oleh sebuah pertubuhan yang dinamakan CAST (1997) di Amerika Syarikat mendapati pelajar yang mempunyai kemudahan internet mampu menghasilkan projek sekolah mereka berbanding pelajar yang tidak mempunyai kemudahan internet.

Sementara itu pelajar disediakan dengan *kiosk* yang menjual makanan yang kurang berkualiti. Pelajar juga menghadapi masalah dalam membuat pilihan menu kerana tidak banyak pilihan makanan boleh dibuat di

kiosk tersebut. Masalah ini boleh menyebabkan pelajar tidak pergi ke *kiosk* tersebut dan mungkin akan hanya memakan roti sebagai ganti.

Memandangkan kolej 17 merupakan sebuah kolej yang baru dibuka dan kebanyakan perabot yang disediakan adalah baru juga berada dalam keadaan yang baik serta boleh digunakan maka tiada masalah yang ketara berkenaan kemudahan perabot di kolej. Perkara ini adalah sesuatu yang baik kepada pelajar kerana dapat menjamin keselesaan mereka semasa tinggal di kolej tersebut di samping dapat membantu para pelajar di dalam meningkatkan dan menaikkan semangat mereka untuk lebih tekun belajar.

Faktor sosial.

Hasil analisis faktor sosial, didapati pelajar mengalami masalah sosial di paras sederhana (33.7%). Faktor utama yang menyebabkan masalah sosial pelajar adalah mahukan personaliti yang lebih menarik iaitu sebanyak 50%. Dapat dikatakan pelajar dilihat ingin diri mereka lebih dikenali. Boleh digambarkan juga bahawa pelajar kurang dihargai dan mungkin dipinggirkan oleh teman-teman mereka.

Implikasi dari masalah ini boleh menyebabkan 'stress' di kalangan pelajar tersebut. Mereka juga akan merasa rendah diri dan tidak mahu bercampur dengan rakan yang lain. Seterusnya boleh menyebabkan pelajar mengambil tindakan yang tidak wajar seperti berhenti dari belajar sebelum tamat belajar. Ini disokong oleh prosedur 'The Transactional Analysis of Personality-Environment' (TAPE) yang dibentuk oleh Parvin (1967a;1967b) yang menjelaskan tekanan wujud apabila seseorang pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kolej dan rakan-rakan, kesannya menyebabkan pelajar berhenti bukan disebabkan faktor akademik yang merosot tetapi oleh persekitaran di kolej dan rakan-rakan.

Pelajar juga dilihat lebih gemar menghabiskan masa mereka dengan bermain permainan komputer. Mereka boleh duduk berjam-jam lamanya depan computer berbanding menghabiskan masa bersama kawan-kawan. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan pelajar menjadi ketagih dengan permainan komputer kerana paparan grafiknya yang menarik ditambah pula kesan bunyi yang seakan-akan betul berlaku. Masalah ini menyebabkan pelajar tersisih dari dunia luar, mereka asyik dengan dunia mereka sendiri sehingga lupa pada perkara lain seperti kawan-kawan, tugas-tugas dan sebagainya. Ini disokong oleh Griffiths, M (1997) yang mengatakan pelajar-pelajar lebih mementingkan masa bermain dengan komputer daripada bersama rakan sebaya mereka.

Disebabkan personaliti yang kurang menarik, pelajar sentiasa menjadi bahan ejekan teman-teman yang lain. Masalah ini boleh menyebabkan pelajar suka memencilkan diri atau berseorangan demi mengelakkan diri dari diejek kawankawan yang lain. Pelajar ini boleh dikategorikan sebagai sensitif dan mudah tersinggung dengan apa yang berlaku ke atas dirinya. Kesan daripada masalah ini boleh menyebabkan pelajar mengalami gangguan emosi seperti tekanan perasaan. Ini disokong oleh Larry R. Berkower (1974), yang mengatakan pelajar terdedah kepada tekanan perasaan akibat gangguan dari rakan mereka.

Faktor kerjaya masa depan.

Hasil analisis faktor kerjaya masa depan menunjukkan pelajar mengalami masalah ini di paras tinggi (63.9%). Faktor utama yang menyebabkan masalah dalam hal kerjaya masa depan adalah pelajar dilihat sangat bermasalah dalam memikirkan adakah mereka akan mendapat pekerjaan atau terpaksa menganggur. Ini disokong oleh sebilangan besar pelajar (83.1%) yang bersetuju dengan mengatakan mereka merasa takut menganggur selepas tamat belajar di universiti.

Implikasi dari masalah ini boleh menyebabkan pelajar menjadi tertekan dan akhirnya boleh berlaku perkara yang tidak baik seperti pengambilan dadah dan alkohol untuk mengurangkan stress. Menurut

Presley (1993), tekanan menyebabkan pelajar terjebak dengan dadah dan alkohol yang akhirnya mendatangkan kesan yang lebih buruk seperti melakukan jenayah, kegagalan dan pencapaian merosot.

Kemungkinan besar pelajar-pelajar di kolej 17 kurang pengalaman atau juga pengetahuan dalam sesuatu bidang pekerjaan. Ramai pelajar risau tidak mendapat pekerjaan yang mereka inginkan pada masa depan. Ini kerana pengetahuan mereka mungkin terbatas kepada sesuatu bidang sahaja. Mereka risau tidak mampu melakukan kerja sekiranya diberi pekerjaan di luar bidang pengetahuan mereka kelak. Ini disokong oleh Lawrence Malkin (1991), yang menyatakan kebanyakan penduduk di Amerika tidak mendapat pekerjaan kerana tiada pengalaman.

Sebilangan kecil pelajar didapati masih samar-samar tentang pekerjaannya di masa depan. Mereka ini boleh dikategorikan sebagai kumpulan yang tidak peka dengan diri mereka kerana sudah berada di peringkat universiti tetapi masih tidak mampu menetapkan hala tuju masing-masing. Kesannya nanti mereka boleh tergolong dalam kumpulan graduan menganggur kerana tidak tahu apa pekerjaan yang sesuai untuk mereka.

Rumusan

Hasil analisis data dan perbincangan dapatan kajian, dapatlah dirumuskan bahawa pelajar-pelajar yang menginap di kolej 17 Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai terlibat dalam beberapa masalah-masalah yang sering mengganggu mereka. Data dari hasil analisis menunjukkan pelajar paling terganggu oleh masalah kerjaya masa depan dengan peratusan sebanyak 63.9%. Apa yang dirisaukan oleh pelajar-pelajar adalah mereka takut tidak mendapat pekerjaan setelah tamat belajar nanti. Sebanyak 83.1% pelajar bersetuju mengatakan mereka merasa takut menganggur selepas tamat belajar universiti. Implikasi daripada masalah ini kelak, pelajar-pelajar akan hilang minat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat university kerana pada fikiran mereka, apabila tamat belajar nanti pelajar terpaksa menganggur, dengan erti kata lain pelajar akan hilang kepercayaan terhadap kualiti pendidikan institusi pendidikan tinggi.

Hasil analisis juga mendapati kemudahan kolej adalah penyumbang kedua tertinggi dalam permasalahan pelajar iaitu sebanyak 61.7%. Kebanyakan kemudahan yang disediakan di kolej 17 tidak berfungsi dengan sempurna. Masalah kemudahan yang paling tinggi peratusannya di kolej 17 adalah kemudahan internet Wifi. Sebanyak 87.3% pelajar menyatakan bahawa mereka tidak berpuas hati dengan kemudahan ini berikutan perkhidmatannya yang sangat lembab dan selalu terputus, selain itu kemudahan ini juga hanya disediakan di kawasan tertentu sahaja menyebabkan ruang penggunaan yang terbatas (Minit mesyuarat kolej, 17 Mac 2007). Kesan daripada masalah ini semestinya akan mengganggu proses pembelajaran pelajar-pelajar terutama ketika mereka hendak mencari maklumat-maklumat tambahan bagi tujuan pembelajaran mereka. Manakala masyarakat luar pula mungkin akan membuat satu andaian yang kurang menyenangkan seperti memperlekeh kolej di universiti ini (UTM) yang hanya pada namanya sahaja tertulis perkataan 'Teknologi' tetapi masalah kecil seperti kemudahan internet pun tidak mampu diatasi dengan baik.

Masalah kewangan juga dilihat mengganggu pelajar-pelajar di kolej 17. masalah ini boleh menyulitkan pelajar-pelajar dalam hal-hal yang melibatkan penggunaan wang seperti membeli makanan, membeli pakaian, membeli buku, membayar yuran dan sebagainya. Seramai 78% pelajar mengatakan mereka tidak mampu untuk membeli buku rujukan. Perkara ini sudah pasti akan mengganggu proses pembelajaran pelajar. Sewajarnya pihak yang terlibat terutama university perlulah menetapkan satu harga yang mampu dibiayai oleh pelajar-pelajar, kerana kebanyakan pelajar yang belajar di universiti bukanlah dari golongan kaya. Pada masa yang sama, masyarakat di luar pula akan mewujudkan satu persepsi mengenai universiti iaitu kehidupan di universiti melibatkan perbelanjaan yang tinggi dan menyusahkan.

Berdasarkan hasil analisis, pengkaji mendapati terdapat sedikit masalah sosial (33.7%) yang berlaku di kolej 17 UTM. Pelajar dilihat bermasalah dalam penampilan diri mereka. Kemungkinan mereka merasakan diri mereka kurang menarik atau kurang hebat seperti mahu dikenali ramai. Ini disokong oleh 50% pelajar yang menyatakan mereka selalu mahukan personaliti yang lebih menarik. Kesan daripada masalah ini menyebabkan pelajar suka menyendiri dalam bilik kerana merasa rendah diri. Masalah sosial seperti ini memperlihatkan kurangnya motivasi dalam diri pelajar tersebut. Oleh yang demikian mereka tidak mampu untuk menyelesaikannya.

Rujukan

- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Akla Bin Su (2004). *Satu Tinjauan Mengenai Kategori Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Kemasukan Terus Di Kolej 13, UTM*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia..
- Crow and Crow (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- David Mc Connell (2000). *Computer Supported Cooperative Learning*. Britain. Clay Ltd. St Ives plc.
- Dr. Charles Smith (2001). *Running Out Of Money Before Graduation*. *Black Issues in Higher Education*. Vol. 18, Issue 8.
- Farrant J.S. (1971). Prinsip dan Amali Pendidikan. *Principle and Practice of Education*. Diterjemahkan oleh Sharifah Rahman Ali.
- Griffiths, M (1997). Video Game and Aggression. *The Psychologist*, Sept, 397-401.
- Hassan Langgulung (1975). “*Perkhidmatan Pelajar-pelajar Di Sekolah-sekolah Malaysia*”. *Jurnal Pendidikan*, 2. 1-9. 1975.
- Kamus Dewan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. 2005.